

**ANALISIS HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN NAZIR DENGAN  
FAKTOR PENGIMARAHAN MASJID  
ANALYSIS OF THE RELATIONSHIP BETWEEN LEADERSHIP STYLE OF  
NAZIR AND ENLIVENMENT MOSQUE FACTORS.**

Halim Mokhtar<sup>1</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>2\*</sup>, Mariam Binti Abd Majid<sup>3</sup>, Zulkefli Haji Aini<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah, KUIS, [halim@kuis.edu.my](mailto:halim@kuis.edu.my).

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, KUIS, [yusufmarlon@kuis.edu.my](mailto:yusufmarlon@kuis.edu.my).

<sup>3</sup> Prof. Madya, KUIS, [mariam@kuis.edu.my](mailto:mariam@kuis.edu.my).

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, UKM, [zulaini@ukm.edu.my](mailto:zulaini@ukm.edu.my)

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

**Abstrak**

Masjid merupakan medan utama dalam kerangka pembangunan peradaban umat Islam. Ia juga berfungsi sebagai lambang keutuhan dan kekuatan umat Islam di sepanjang zaman. Dalam membicarakan isu yang berkaitan dengan institusi masjid yang mempunyai pelbagai fungsi itu, maka antara isu yang paling penting ialah usaha ke arah memperkasa dalam pengimarahannya melalui kebijaksanaan kepemimpinan masjid. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji hubungan antara gaya kepemimpinan nazir dalam mempengaruhi faktor pengimarahannya masjid. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif iaitu menggunakan pengedaran soal selidik untuk mendapatkan data utama. Kajian dilakukan kepada 200 orang responden yang terdiri dari kalangan Nazir masjid di Selangor. Seterusnya, data yang diperolehi kemudian dianalisa dengan menggunakan SPSS Version 23.0 (Statistical Package for Social Science) dan dijelaskan dalam bentuk statistik deskriptif dan inferensi. Ujian Korelasi Pearson mendapati bahawa nilai yang diperolehi adalah  $\min = 115.15$ ,  $sp = 9.88$  (gaya kepemimpinan nazir) dan  $\min = 134.30$ ,  $sp = 12.39$  (faktor pengimarahannya masjid), dengan nilai  $r = 0.787$ ,  $r^2 = 0.619$  dan  $\text{sig} = 0.000$ . Nilai  $\min$  yang diperolehi bagi kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji menunjukkan bahawa nazir-nazir masjid yang dikaji mempunyai gaya kepemimpinan yang tinggi. Seterusnya nilai  $r$  menunjukkan wujudnya hubungan korelasi yang positif antara gaya kepemimpinan nazir dengan faktor pengimarahannya masjid. Walau bagaimanapun kekuatan hubungan yang diperolehi adalah pada tahap yang sederhana. Seterusnya nilai  $r = 0.787$  memberikan implikasi bahawa semakin meningkat gaya kepemimpinan masjid maka faktor pengimarahannya sesebuah masjid turut meningkat.

**Kata kunci**

Institusi Masjid, Faktor, Pengimarahannya Masjid, Gaya Kepimpinan.

**Abstract**

The mosque is the main field in the framework of the development of muslim civilization. It also serves as a symbol of the integrity and strength of Muslims throughout the ages. In discussing issues related to the mosque institution which has various functions, then among the most important issues is the effort towards empowering in the enliven of the mosque through the wisdom of the mosque leadership. In this regard, this study was conducted to examine the relationship between the leadership style of the nazir in influencing the factors of enlivenment the mosque. Data were obtained through a quantitative research through the issuance of a set of questionnaires and a total of 200 respondents who answered the questionnaire among nazir in Selangor. The data obtained were analyzed using SPSS Version 23.0 (Statistical Package for Social Science) and explained in the form of descriptive and inferential statistics. Pearson Correlation Test found that the values obtained were mean = 115.15, sp = 9.88 (leadership style of nazir) and mean = 134.30, sp = 12.39 (the factor of enlivenment mosque), with values  $r = 0.787$ ,  $r^2 = 0.619$  and  $sig = 0.000$ . The mean values obtained for both variables studied indicate that the nazir of the mosques studied have a high leadership style. The value of  $r$  indicates the existence of a positive correlation between the leadership style of the nazir and the factor of enlivening the mosque. However the strength of the relationship obtained is at a moderate level. Furthermore, the value of  $r = 0.787$  gives the implication that the increasing the leadership style of the mosque, then the factor of enlivenment mosque also increase.

**Keywords**

Mosque institution, factor, enlivenment mosque, leadership style.

**1.0 Pengenalan**

Kesedaran mengimarahkan masjid sangat penting pada setiap individu Muslim. Ianya merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul setiap Muslim. Kesedaran ini perlu ditanam supaya masjid sentiasa diimarahkan dengan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat. Untuk melaksanakan kerangka pengimarahkan, pengurusan masjid sangat memainkan peranan penting dalam memastikan perancangan berjalan dengan lancar. Dalam perancangan ini, perlunya idea-idea baru yang mampu membawa pengurusan masjid mencapai matlamatnya. Pengurusan masjid haruslah diberikan nafas baru sesuai dengan peredaran masa dan keadaan masyarakat supaya dapat mencapai matlamat dan objektif (Roslan Mohamed, 2008: 5).

**2.0 Strategi Kepimpinan Nazir yang Boleh Digunakan Dalam Pengimarahkan Masjid**

Masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat melaksanakan ibadat solat berjemaah, namun lebih dari itu masjid seharusnya diimarahkan menerusi pelbagai program dan aktiviti berbentuk keilmuan yang bukan didasarkan pada kehendak tuntutan duniawi sahaja. Sesungguhnya masjid menjadi lambang keagungan Islam kerana ia merupakan institusi pertama yang didirikan oleh Rasulullah SAW apabila berhijrah ke Madinah.

Semenjak terbinanya masjid yang pertama itu dan sepanjang sejarah awal Islam, masjid merupakan pusat penyebaran sinar Islam dan juga pusat pentadbiran awam. Dengan menelusuri sirah baginda Rasulullah SAW, maka masjid ini bangkit dan berusaha dalam merangka perancangan yang strategik demi menyuburkan keharmonian dan penyatuan masyarakat demi meraih redha Allah SWT.

Bersesuaian dengan slogan “Masjid: Pusat Pengembangan Budaya Toleransi Serta Pengembangan Budaya Perdamaian”, masjid sentiasa berusaha melicinkan pentadbiran masjid dan sedaya upaya mengelakkan campur tangan biokrasi tertentu dalam pengurusan masjid. Bagi melancarkan pengurusan dan keberkesanan sesuatu program, satu carta organisasi ditubuhkan mengikut tujuh biro tertentu yang disusun mengikut hirarki daripada pengerusi, setiausaha sehingga ahli jawatankuasa (AJK) biro.

Tujuh biro yang dimaksudkan ini merangkumi segala sudut peranan yang sepatutnya dipikul oleh sesebuah masjid bagi mengembalikan zaman kegemilangan Islam terdahulu. Biro tersebut adalah Biro Dakwah dan Pendidikan, Biro Kebajikan, Biro Pembangunan dan Keceriaan, Biro Ekonomi dan Koperasi, Biro Nahi Mungkar dan Keselamatan, Biro Hal Ehwal Wanita dan Biro Hal Ehwal Belia dan Riadah. Setipa biro yang ditubuhkan pula dilantik pengerusi khas yang berfungsi untuk memantau perjalanan aktiviti biro masing-masing.

Laporan aktiviti biro disediakan oleh setiausaha sebelum disemak oleh pengerusi biro bagi memastikan setiap ahli menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing. Setiap perbelanjaan aktiviti juga direkodkan bagi memastikan ketepatan urusan pengurusan kewangan masjid. Setiap pembelian aset masjid juga direkodkan dalam ‘*inventory list*’ bagi memudahkan urusan audit.

Pentadbiran sebegini bukan sahaja memudahkan pihak pengurusan masjid dalam mengatur penyertaan ahli kariah dan juga masyarakat luar dalam sesuatu program yang dianjurkan malah ia juga memberi gambaran kreativiti dan kesungguhan pihak biro dalam mempelbagaikan aktiviti. Segala kelemahan yang dilihat daripada program sebelumnya dapat diperbaiki dan diberi penambahbaikan bagi memastikan objektif tercapai. Antara strategi yang boleh dipraktikkan adalah:

- Mewujudkan sebuah organisasi pentadbiran yang mantap dan berkesan bagi melaksanakan fungsi dan matlamat penubuhan masjid.
- Memperkemas dan memperluaskan bidang usaha dan kegiatan dakwah dan tarbiah (pendidikan) agama demi mempertingkatkan kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat.
- Memperkemas dan memperkembangkan aktiviti-aktiviti pembangunan ekonomi masjid.
- Mewujudkan institusi kebajikan bagi meningkatkan kegiatan amal bagi mengatasi masalah kemasyarakatan umat Islam dalam kalangan fakir miskin, saudara baru (muallaf), ibu tunggal, anak yatim, dan warga emas.
- Menggalakkan dan mempergiat penglibatan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti bercorak keagamaan dan amal kebajikan.
- Mendekatkan masyarakat dengan pelbagai kemudahan dan prasarana yang ditawarkan seperti tapak ruang niaga serta penggunaan teknologi maklumat.
- Penglibatan dan penyertaan tenaga pengajar yang mahir dalam aspek pendidikan kerohanian dan pendidikan ilmiah.
- Menggunakan kemudahan teknologi untuk tujuan promosi dan publisiti masjid.
- Mengadakan hubungan baik dengan institusi masjid tempatan dan juga luar negara
- Menjalin hubungan dengan institusi-institusi pendidikan sebagai saluran mendapatkan khidmat tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkemahiran tinggi.

### 3.0 Konsep Pengimarahkan Masjid

Masjid merupakan lambang perpaduan umat Islam yang mesti dikekalkan. Setiap umat Islam mempunyai tanggungjawab tersendiri terhadap masjid yang perlu ditunaikan. Justeru itu penulisan ini akan cuba merungkai hakikat masjid dan kedudukannya dalam Islam disamping mendedahkan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap individu muslim untuk mengimarahkan masjid dan memastikannya kekal sebagai institusi unggul umat Islam. Penulisan ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu usaha memberikan kefahaman kepada masyarakat Islam tentang kedudukan masjid sebagai lambang kekuatan Islam dan perpaduan umatnya. Masalah ini sebenarnya berkait rapat dengan kealpaan umat Islam akhir-akhir ini terhadap peranan masjid dan tanggungjawab mereka. Kefahaman dan kesedaran yang mendalam terhadap kedaulatan Islam dan kekuatan umatnya terus kekal buat selama-lamanya.

Asas dalam keperluan pengimarahkan masjid mestilah didasari oleh keagamaan iaitu konsep memakmurkan masjid; konsep amar ma'ruf nahi munkar iaitu menyuruh manusia melakukan amal kebajikan dan melarang manusia kearah kejahatan. Konsep keilmuan iaitu berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan membanteras kejahilan. Konsep kebijaksanaan iaitu menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan yang berbeza dalam usaha mempengaruhi orang lain. Konsep penghayatan iaitu mengamalkan ilmu yang dipelajari dan konsep universal iaitu bersifat menyeluruh dan tidak difokuskan kepada sesuatu aspek sahaja. Melalui konsep-konsep yang dinyatakan itu, inspirasi yang diperlukan oleh pentadbir akan berhasil.

Jika diteliti dalam al-Quran, terdapat beberapa ayat yang menjelaskan tentang Islam itu suatu amanah (tanggungjawab agama) Allah SWT yang mesti ditunaikan kepada orang yang berhak menerimanya. Orang yang menerima amanah Allah SWT ialah seluruh umat manusia. Selaras dengan satu firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا (72)

Maksudnya:

*“Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh”.*

Berdasarkan pengertian ayat di atas, dapatlah difahamkan bahawa agama Islam adalah satu agama dakwah yang bersifat menyeluruh dan bukan untuk sesuatu golongan sahaja. Islam tidak berkembang kecuali melalui jalan dakwah dan usaha dakwah hendaklah dilaksanakan secara berterusan dan sistematik. Orang yang engkar memikul tanggungjawab ini, akan diazab oleh Allah SWT.

Dalam ayat yang lain, Allah SWT menerangkan ada golongan manusia yang mendapat petunjuk dan ada golongan yang tidak mendapat petunjuk. Lihat surah al-Nahl (16):36. Kedua-dua golongan tersebut sentiasa berusaha mengembangkan pengaruh masing-

masing dan berusaha mencari jalan menarik manusia lain supaya mengikuti jejak langkah mereka. Dengan menggunakan pelbagai taktik dan strategi, mereka berusaha bersungguh-sungguh bagi menjayakan misi mereka. Walaupun seringkali mendapat ancaman, tentangan serta menemui kegagalan, tetapi mereka terus berusaha mempengaruhi kumpulan sasar. Kenyataan ini dirakamkan oleh Allah S.W.T. di dalam surah al-Baqarah 221:

وَلَا تَنكِحُوا الْمُشْرِكِيْنَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ ۚ وَلَا مَآءُ مُؤْمِنَةٍ حَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَا  
أَعْبَبَتْكُمْ ۚ وَلَا تَنكِحُوا الْمُشْرِكِيْنَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا ۚ وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ حَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ  
وَلَوْ أَعْبَبَكُمْ ۚ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ ۚ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۚ  
وَبَيِّنَ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

*“Mereka (orang-orang musyrik) mengajak ke neraka, sedangkan Allah mengajak ke syurga dan kemampuan dengan izin-Nya. Dan Allah SWT menerangkan ayat-ayat-Nya kepada manusia supaya mereka mengambil penagajaran”.*

Dalam ayat lain Allah berfirman surah Fathir ayat 6:

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ ۖ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا ۗ إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ لِيَكُونُوا مِنْ  
أَصْحَابِ السَّعِيرِ ٦

Maksudnya:

*“Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh (mu), karena sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala”.*

Berdasarkan maksud kedua-dua ayat di atas dapat difahami bahawa terdapat pelbagai kegiatan bagi menarik orang lain supaya mengikuti jejak langkah golongan orang yang mendapat petunjuk Allah dan golongan yang sesat iaitu jauh dari hidayah Allah SWT. Aktiviti yang boleh menarik orang lain supaya mengikuti jejak langkah mereka ialah melalui penyebaran maklumat, melalui ilmu pengetahuan, mengemukakan hujah secara rasional, dan menggunakan kekuatan fizikal. Kerana itu, dakwah diperlukan bagi mengajak semua golongan manusia menuju ke jalan yang benar.

Sementara itu, Ali Mahfuz (1997) menjelaskan bahawa seseorang itu dimuliakan oleh Allah dengan memberi akal fikiran yang waras. Jika mereka tidak menggunakan akal fikiran yang waras. Jika mereka tidak menggunakan akal fikiran bagi membezakan antara hak dan bathil, baik dan buruk, mereka disebut sebagai orang jahil. Berfikir secara logik dengan akal semata-mata tidak mencukupi untuk melihat tipu muslihat dunia, tetapi harus bersandarkan wahyu ilahi. Aktiviti penyebaran ilmu pengetahuan yang dilaksanakan di masjid seperti diskusi ilmiah, debat berdasarkan isu semasa,

seminar, forum, wacana minda dilihat dapat membimbing golongan tersebut ke jalan lurus secara berterusan.

Mengulas lebih lanjut lagi tentang aspek akidah, seorang sarjana Islam mengatakan bahawa pada masa kini masyarakat Islam sedang mengalami pelbagai penyakit tenat yang boleh merosakkan akidah. Antara penyakit tersebut ialah syirik, penyelewengan akidah, ajaran sesat dan khurafat. Punca penyakit itu ialah mereka masih berjauhan dengan agama Islam. Sebagai mengatasi masalah tersebut, masjid adalah medium terbaik bagi menyelesaikan permasalahan. Aktiviti seperti solat berjemaah, kuliah Maghrib, ceramah agama, dan kelas kafa berupaya menyedarkan manusia yang rosak akidah supaya kembali akidah yang betul.

Sejarah telah membuktikan bahawa Islam itu tersebar luas melalui dakwah yang dilakukan oleh para sahabat yang mempunyai iman yang mantap kepada Allah SWT. Pendekatan ini diperkukuhkan lagi melalui pembinaan masjid sebagai aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Para pejuang Islam terdahulu terutama sahabat-sahabat Rasulullah SAW telah bersungguh-sungguh berusaha menyebarkan dakwah yakni ajaran agama Islam ke seluruh pelusuk dunia. Penyebaran dakwah diteruskan oleh pengikut para tabi'in, diikuti oleh golongan Ilmuan Islam terdiri daripada alim ulama yang ikhlas dalam penyebaran dakwah Islam. Mereka berjaya meletakkan Islam itu di tempat yang tinggi.

Oleh kerana sifat dan kedudukan agama Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya, maka seluruh umat manusia dituntut supaya meletakkan agama Islam di tempat tinggi lagi mulia. Setiap orang Islam hendaklah berusaha bersungguh-sungguh bagi mengangkat martabat agama Islam dalam pelbagai aspek. Antaranya ialah berusaha meningkatkan ekonomi umat Islam supaya setanding dengan bangsa lain yang telah maju, memastikan umat Islam menguasai bidang pendidikan yang semaksima mungkin dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan, menguasai bidang pengurusan dan pentadbiran dengan cekap dan efisien. Usaha menyampaikan Islam kepada semua orang diperlukan bagi meletakkan Islam di tempat yang tinggi. Masjid adalah salah satu tempat yang amat sesuai bagi merealisasikan usaha-usaha tersebut.

Berdasarkan pandangan di atas, dapat disimpulkan bahawa semua umat manusia sangat memerlukan Islam, kerana keadaan masyarakat yang sakit, disebabkan kejahilan manusia, tuntutan Islam tersebar melalui manusia dan pertembungan dua golongan manusia yang tidak berkesudahan. Jika dikaitkan tuntutan menyebarkan Islam kepada semua orang, maka jelaslah bahawa pengimarah masjid adalah termasuk suatu aktiviti yang harus dilakukan. Ini kerana pada dasarnya semua orang Islam sangat diperlukan dalam apa cara sekalipun menerima mesej Islam supaya mereka tidak tersisih dalam arus perdana Islam.

#### **4.0 Metodologi**

Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian kolerasi dengan pendekatan kuantitatif. Kajian kolerasi telah digunakan bagi mengukur kekuatan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar (gaya kepimpinan nazir) dengan pemboleh bersandar (faktor pengimarah masjid). Menurut Gay dan Airasian (2003), kajian kolerasi menentukan darjah kekuatan hubungan yang wujud antara dua atau lebih pemboleh ubah. Walau bagaimanapun, kajian kolerasi ini tidak boleh menerangkan tentang hubungan sebab-musabab antara pemboleh ubah dan tidak berlakunya manipulasi ke atas pemboleh ubah dalam kajian (Fraenkel & Wallen, 2006).

Seramai 200 orang responden telah terlibat melalui jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Responden telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Sampel yang telah dipilih adalah mewakili jumlah nazir-nazir masjid di Selangor. Seterusnya, data yang diperolehi kemudian dianalisa dengan menggunakan SPSS Version 23.0 (Statistical Package for Social Science) dan dijelaskan dalam bentuk statistik inferensi. Statistik inferensi telah digunakan oleh penyelidik bagi mengukur hubungan antara dua pemboleh ubah dengan menggunakan analisis kolerasi Pearson. Pendekatan inferensi digunakan untuk merumus dan mentafsir data dengan lebih terperinci.

### 5.0 Analisis Dapatan Kajian Statistik Inferensi

Bahagian ini membincangkan dapatan statistik inferensi (*Correlation* dan *regression*) yang dijalankan untuk menjawab persoalan kajian kedua sehingga persoalan kajian keempat. Persoalan kajian kedua dan ketiga dianalisis dan dilaporkan menggunakan ujian korelasi (*pearson correlation product moment*). Persoalan kajian keempat dianalisis dan dilaporkan menggunakan ujian regression (*simple regression*). Laporan hasil dapatan kajian bagi persoalan kajian tersebut adalah seperti di bawah.

### Analisis Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Nazir dengan Faktor Pengimarahannya Masjid

**SK** Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan masjid dengan faktor pengimarahannya masjid?

Jadual 1 di bawah menunjukkan hubungan antara gaya kepimpinan nazir dengan faktor pengimarahannya masjid. Daripada analisis korelasi (*Pearson correlation product moment*) yang dijalankan, nilai yang diperolehi adalah min = 115.15, sp = 9.88 (gaya kepimpinan nazir) dan min = 134.30, sp = 12.39 (faktor pengimarahannya masjid), dengan nilai  $r = 0.787$ ,  $r^2 = 0.619$  dan  $sig = 0.000$ . Nilai min yang diperolehi bagi kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji menunjukkan bahawa nazir-nazir masjid yang dikaji mempunyai gaya kepimpinan yang tinggi. Seterusnya nilai  $r$  menunjukkan wujudnya hubungan korelasi yang positif antara gaya kepimpinan nazir dengan faktor pengimarahannya masjid. Walau bagaimanapun kekuatan hubungan yang diperolehi adalah pada tahap yang sederhana (Alias 1999, Pallant 2001, Davies dalam Norasmah 2002 dan Jackson 2006). Seterusnya nilai  $r = 0.787$  memberikan implikasi bahawa semakin meningkat gaya kepimpinan masjid maka faktor pengimarahannya sesebuah masjid turut meningkat.

Jadual 1 Hubungan antara gaya kepimpinan nazir dengan faktor pengimarahannya masjid

Pemboleh Ubah	N	Min	SP	r	r <sup>2</sup>	Sig
Gaya Kepimpinan Nazir	200	115.15	9.88	0.787**	0.619	0.000
Faktor Pengimarahannya Masjid	200	134.30	12.39			

\*\*Sig. Pada aras 0.01

Sumber: Soal Selidik (2020)

## 6.0 Perbincangan

Pengimarahkan masjid dalam realiti masa kini amat penting sebagai pusat pembangunan Islam melalui kuliah pengajian agama, pusat tamadun Islam menerusi program dakwah kepada golongan saudara baru termasuklah golongan non-Muslim, pusat percambahan keilmuan seperti jaringan pendidikan dengan institusi pengajian tinggi tempatan mahupun institusi pendidikan antarabangsa. Selain itu, masjid merupakan pusat santapan rohani melalui program-program ceramah agama, motivasi, kaunseling dan pembinaan modal insan yang melibatkan semua lapisan umur masyarakat, pusat wakaf dan penjagaan ayat-ayat suci Al-Quran, pusat rujukan bagi menyelesaikan masalah berkaitan akidah, sahsiah dan hubungan sosial masyarakat.

Bukan itu sahaja, masjid berperanan sebagai pusat kebajikan Islam dalam membincangkan hal-ehwal berkaitan individu, masyarakat dan negara terutama bagi pengurusan agihan zakat dan wakaf serta penyelesaian isu-isu kotemporari Islam. Malah, masjid berperanan sebagai pusat penyatuan ummah di bawah satu kalimah tauhid tanpa perbezaan kaum, bangsa dan asal-usul. Malah, masjid menjadi pusat melatih kepimpinan dan kemahiran pengurusan terutama golongan muda yang menjadi akar umbi umat Islam.

Dari segi ekonomi pula, masjid berperanan sebagai pusat penjana ekonomi umat Islam melalui perniagaan, perkhidmatan, penyediaan kemudahan dan prasana yang mencukupi untuk memantapkan penjana ekonomi Islam. Masjid menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Dari perspektif hubungan sosial dan pembangunan sahsiah, pihak masjid bertanggungjawab mencegah 'amal makruf nahi mungkar' seperti kes khalwat, zina dan kes-kes kecurian dengan kerjasama pihak berwajib seperti Jabatan Agama Islam Selangor dan Jabatan Polis. Malah, pihak masjid bertanggungjawab mendidik masjid dalam etika berpakaian dan batas pergaulan berlandaskan syariat Islam.

Kesedaran mengimarahkan masjid sangat penting pada setiap individu Muslim. Ianya merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul setiap Muslim. Kesedaran ini perlu ditanam supaya masjid sentiasa diimarahkan dengan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat. Untuk melaksanakan kerangka pengimarahkan, pengurusan masjid sangat memainkan peranan penting dalam memastikan perancangan berjalan dengan lancar. Dalam perancangan ini, perlunya idea-idea baru yang mampu membawa pengurusan masjid mencapai matlamatnya. Pengurusan masjid haruslah diberikan nafas baru sesuai dengan peredaran masa dan keadaan masyarakat supaya dapat mencapai matlamat dan objektif (Roslan Mohamed, 2008: 5).

Keputusan kajian telah menunjukkan bahawa gaya kepimpinan nazir mempunyai hubungan signifikan dengan faktor pengimarahkan masjid. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan hasil kajian Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh dan Norhayati Salleh (2008) yang menunjukkan bahawa pengurusan masjid menjadi saluran untuk mencapai kepada matlamat yang ditetapkan. Selain itu, pengurusan masjid amat penting dipertingkatkan dari semasa ke semasa kerana ia merupakan nadi penggerak pembangunan modal insan yang cemerlang. Maka keperluan pengurusan yang profesional memainkan peranan penting untuk mencapai kepada sasaran.

Seterusnya kajian ini turut menyokong pendapat Hajah Noresah Baharom (2005) bahawa gaya kepimpinan yang profesional iaitu cemerlang dalam semua skop kerja yang diberikan dan bijak dalam menguruskan sesuatu perkara memainkan peranan yang signifikan dengan faktor pengimarahkan masjid. Kemudian fizikal masjid juga perlu dalam keadaan profesional, iaitu dari aspek kelengkapan dan infrastruktur perlu sewajarnya mengikut peredaran masa.

Selain itu, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa konsep AIDA diterapkan di dalam pengurusan masjid dapat menarik orang ramai untuk memakmurkan dan mengimarahkan masjid. Hasil kajian Mohd Ismail (2004) menunjukkan bahawa Konsep tersebut sesuai diguna pakai di dalam pengurusan masjid kerana ianya memberi kesan yang positif terhadap perkembangan sesebuah institusi masjid. Konsep AIDA merupakan model pemasaran pertama yang diterapkan di dalam pengurusan masjid. Konsep pemasaran produk ini diguna pakai untuk memasarkan masjid kepada orang ramai supaya sampai kepada matlamat yang ditetapkan. Keempat-empat elemen penting attention, interest, desire dan action akan membawa pengurusan masjid kepada matlamatnya iaitu mengimarahkan masjid. Fungsi dan peranan masjid perlu digerakkan agar ia bukan menjadi tempat yang sepi, kosong dan sunyi kecuali pada waktu-waktu tertentu sahaja. Perkara ini akan mendorong lagi ke arah perkembangan institusi masjid di Malaysia. Secara keseluruhannya, dapatlah dinyatakan bahawa terdapatnya hubungan signifikan antara gaya kepimpinan dengan faktor pengimarahkan masjid.

## **7.0 Kesimpulan**

Hasil kajian mendapati bahawa pembolehubah tidak bersandar iaitu gaya kepimpinan (attention, interest, desire dan action) sememangnya mempengaruhi kecenderungan masyarakat dalam mengimarahkan masjid. Gaya Kepimpinan yang proaktif dan kreatif dalam mempromosikan masjid dengan mengiklankan aktiviti dan agenda dalam pelbagai bentuk seperti video, gambar, banner, pamflet dan sebagainya mampu menarik perhatian masyarakat. Selain itu, aktiviti berdasarkan keutamaan, kemampuan, dan perkembangan semasa secara tidak langsung menarik masyarakat untuk meyertai program tersebut terutamanya apabila ianya berkait rapat dengan kehidupan seseorang. Permulaan attention mampu melahirkan rasa interest seterusnya membangkitkan rasa keinginan (desire) dalam kalangan masyarakat seterusnya mendorong masyarakat melakukan tindakan (action) untuk berlumba-lumba mengimarahkan masjid.

Kesimpulannya, tanggungjawab dalam mengimarahkan masjid terletak kepada semua umat Islam dan pihak pentadbir masjid hanyalah perantaraan untuk menyambungkan hubungan di antara jemaah dan masjid. Untuk mengimarahkan masjid, pihak pentadbiran masjid seharusnya peka akan keperluan jemaah dan komuniti sekitarnya supaya matlamat untuk memakmurkan dan mengimarahkan masjid dapat dicapai. Masyarakat akan tertarik bila pengurusan fasiliti dan kemudahan dari segi kebersihan masjid dijaga dan dipelihara dengan baik, mempunyai kepelbagaian aktiviti dakwah yang melibatkan semua peringkat umur dan memenuhi kehendak semasa masyarakat dengan mempunyai pasukan pengurusan dana masjid yang berpengalaman dan berpengetahuan, adalah kunci kejayaan dalam mengimarahkan masjid. Makmurnya masjid bukan hanya terletak pada Imam

atau bilal, tetapi apabila terdapat penglibatan masyarakat dan bila perpaduan di bentuk melalui komuniti Islam dan bukan Islam.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan antara pembentangan dapatan kajian bertajuk Pengaruh Gaya Kepimpinan Nazir Terhadap Pengimarahkan Masjid di Negeri Selangor. Penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Penyelidikan Insentif (GPI), KUIS/2019/GPIK-24/GPI/22.

### **Rujukan**

- Ab. Aziz Mohd Zain. 2002. Pembangunan Minda Pegawai Masjid. Di Seminar Pembangunan Masjid. Dewan Kuliah Utama Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya 28 Disember 2002 Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademik Pengajian Islam UM.
- Abdul Rofiq, Zainul Arifin, Wilopo. 2012. Penerapan AIDA Terhadap Keputusan Pembelian. Jawa Timur: Universitas Brawijaya Angkatan.Swastha, Basu dan Irawan. 2002. Manajemen Pemasaran Modern.Yogyakarta: Liberty.
- Abdul Malik Hussin. 2005. Pengurusan Masjid Yang Sistemik, Dinamik dan Inovatif. Kertas kerja Muzakarah Pegawai Pengurusan Masjid Peringkat Negeri Johor di Dewan Besar Kompleks Islam Jabatan Agama Johor.
- Abdullah Hassan Ph. D. & Ainon Mohd. (2011). Bakat & Kemahiran Memimpin. Selangor: PTS Professional Sdn. Bhd
- Ahmad Nawawi Yaakob, Ramlee Ramlan, Rashidah Ahmad Dahari. 2008. Manual Prosedur Kerja (MPK): Ke Arah Memantapkan Pengurusan Masjid. Dalam. Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. (Pnyt). Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ajmain @ Jimaain Safar. 2008. Institusi Masjid Dalam Memperkasakan Pembangunan Modal Insan. Dalam. Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. (Pnyt). Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali Mahfuz, Syeikh: Hidayah al-Mursyidin Ila Turuq al-Wa'z wa al-Khitabah (Qaherah: Dar al-„Itisom, 1979).
- Amstrong, Gery, Philip Kotler. 2001. Prinsip-Prinsip Pemasaran. Jilid 1. Jakarta: Erlangga.
- Assael. 2002. Consumer Behavior. Edisi Bahasa Indonesia. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Hailan Salamun. (2010). Kepemimpinan Rabbani Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Institut Pengajian Kepengtuaan, Universiti Malaya.

Ismail Noor. (2002). Prophet Muhammad's leadership the paragon of excellence altruistic management. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh, Norhayati Salleh. 2008. Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan Ke Atas Masjid Cemerlang. Dalam. Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. (Pnyt). Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Ismail bin Mustari dan Idris bin Ismail (2004). Peranan Masjid Dalam Membangunkan Ummah. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004. 25-27 September. Kedah: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia

Roslan Mohamed. (2008). Pemerkasaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (1sted.). Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1-12.